



# Glucobay®

## PACKAGE LEAFLET: INFORMATION FOR THE USER

**Glucobay 50 mg tablets**  
**Glucobay 100 mg tablets**  
Acarbose

**Read all of this leaflet carefully before you start using this medicine.**

- Keep this leaflet. You may need to read it again.
- If you have further questions, ask your doctor or pharmacist.
- This medicine has been prescribed for you. Do not pass it on to others. It may harm them, even if their symptoms are the same as yours.
- If any of the side effects gets serious, or if you notice any side effects not listed in this leaflet, please tell your doctor or pharmacist.

### 1. WHAT GLUCOBAY IS AND WHAT IT IS USED FOR

Glucobay belongs to a group of drug products used to treat diabetes ( $\alpha$ -glucosidase inhibitor).

The active substance of Glucobay is acarbose. It is produced biologically. Its main site of action is the small intestine. Almost none of the active substance is absorbed by the body. Glucobay delays the digestion of carbohydrates. This slows down the release of glucose from carbohydrates and its absorption into the bloodstream. In this way, Glucobay reduces the increase in blood glucose after meals. Due to the controlling effect on glucose uptake from the intestine, fluctuations in blood glucose over the day are reduced and blood glucose concentrations are lowered. Glucobay does not itself induce hypoglycemia.

- Glucobay is used as a supplement to dietary therapy in patients with diabetes mellitus. Glucobay will help to control your blood sugar levels.

### 2. BEFORE YOU TAKE GLUCOBAY

**Do NOT take Glucobay:**

- if you are allergic (hypersensitive) to acarbose and/or any of the other ingredients of Glucobay
- if you suffer from chronic inflammation or ulceration of the bowel, e.g. ulcerative colitis or Crohn's disease
- if you suffer from conditions which can worsen as a result of gas build-up in the intestine (e.g. elevation of the diaphragm due to intestinal distension (Roemheld's syndrome), serious inguinal and diaphragmatic hernias, intestinal obstructions and intestinal ulcers)
- if you have a severe kidney disorder (creatinine clearance below 25 ml/min)

**Take special care with Glucobay:**

- during the first 6 - 12 months of treatment

Very rarely, an increase in the liver enzymes in the blood may occur during treatment with Glucobay. Therefore, your doctor will check your liver enzymes at regular intervals during the first 6 - 12 months of treatment. In the cases reported, the increase in liver enzymes subsided after treatment with Glucobay was discontinued (see also "Side effects").

- if acute symptoms of hypoglycemia develop (such as rapid pulse, perspiration, trembling) you must take glucose and not household sugar (cane sugar) to relieve the problem (see also "Interactions with other drugs")

Even if you are taking Glucobay it is still vital for you to keep strictly to your prescribed diet.

### Taking other medicines

Acute episodes of hypoglycemia are not likely to occur if you are being treated solely with Glucobay and diet. If Glucobay is prescribed in addition to other blood-glucose reducing treatment with sulphonylureas or metformin tablets or with insulin, the doses of these tablets or of insulin must be suitably reduced to prevent hypoglycemia. In isolated cases, shock can occur as a result of hypoglycemia. If acute hypoglycemia develops, remember that household sugar (cane sugar) is digested and absorbed more slowly during treatment with Glucobay. This means that hypoglycemia can be corrected rapidly only with glucose and not with household sugar.

In isolated cases, acarbose may affect the bioavailability of digoxin (an active substance used mainly to treat heart failure); the dosage of digoxin may have to be adjusted.

Do not take the following medicines at the same time as Glucobay because they may weaken its effect:

- cholestyramine (a drug which lowers elevated blood cholesterol)
- charcoal products and other intestinal adsorbents
- substances that promote digestion (digestive enzyme products)

If you take Acarbose and oral Neomycin at the same time, the rise of your blood glucose after a meal may be reduced and it may lead to more frequent or more severe abdominal discomfort. If the symptoms are severe talk to your doctor. He may consider a temporary dose reduction of acarbose.

#### **Taking Glucobay with food and drink**

Household sugar (cane sugar) and foods containing it can easily lead to severe abdominal discomfort and diarrhea during treatment with Glucobay (see "Side effects").

#### **Children and adolescents**

The efficacy and safety of acarbose have not been investigated in patients aged below 18.

#### **Pregnancy**

Do not take Glucobay at any stage during pregnancy because no experience has been gained regarding its safety in pregnant women.

#### **Breast-feeding:**

Do not use Glucobay while breast-feeding.

#### **Driving and operating machinery**

Monotherapy with Glucobay does not cause hypoglycemia and therefore will not affect your ability to drive or operate machinery. Combination treatment with other blood glucose-reducing drug products (metformin, sulfonylureas, insulin) could negatively affect your ability to drive or operate machinery by potentially leading to hypoglycemia.

### **3. HOW TO TAKE GLUCOBAY**

Your doctor will decide how much Glucobay you need to take depending on your personal requirements because Glucobay works differently in different people, and not everyone tolerates it the same way.

#### **As a supplement to dietary therapy in patients with diabetes mellitus the recommended dose is:**

3 x 1 Glucobay 50 mg tablet daily  
or  
3 x ½ Glucobay 100 mg tablet daily  
(equivalent to 150 mg acarbose per day).

In some patients, a gradual increase in the dosage has helped to reduce gastrointestinal side effects, starting with:

1 to 2 x 1 Glucobay 50 mg tablet daily  
or  
1 to 2 x ½ Glucobay 100 mg tablet daily  
(equivalent to 50 to 100 mg acarbose per day).

The doctor will increase the dose gradually depending on your blood glucose level, and also as treatment progresses if it is not effective enough, up to:

3 x 2 Glucobay 50 mg tablet daily  
or  
3 x 1 Glucobay 100 mg tablet daily  
(equivalent to 300 mg acarbose per day).

In rare cases, if necessary, the dose may be increased further up to:

3 x 4 Glucobay 50 mg tablets daily  
or  
3 x 2 Glucobay 100 mg tablets daily  
(equivalent to 600 mg acarbose per day).

You should start with a low dose which should then be slowly increased in order to reduce any intestinal side effects.

If distressing complaints develop in spite of strict adherence to your diet (see "Side effects"), the dose should not be increased further, and if necessary should be slightly reduced.

#### **How and when should you take Glucobay?**

Glucobay tablets should be chewed with the first mouthful of food. If you prefer not to chew the tablets then swallow them whole with a little liquid **immediately before the meal.**

The efficacy and safety of acarbose have not been investigated in patients below 18.

If your doctor has prescribed other antidiabetic drugs in addition to Glucobay, take these drugs as well.

#### **For how long should you take Glucobay?**

Your doctor will decide how long you should take Glucobay. The length of treatment depends on the severity and course of your illness.

#### **If you have taken more Glucobay than you should:**

If you do exceed the prescribed dose, or in the event of an overdose, you may experience diarrhea and other intestinal symptoms such as flatulence (wind) and abdominal pain.

If you have taken too much Glucobay it is important to avoid food and drink containing carbohydrates for the next 4 - 6 hours.

#### **If you have forgotten to take Glucobay:**

If you forget to take one or more doses of Glucobay do not take the tablets between meals but, instead, wait until your next scheduled dose and meal and continue as before.

## **4. POSSIBLE SIDE EFFECTS**

The following of side effects have been reported:

#### **Very common side effects**

*(affects more than 1 in 10 users)*

- wind (flatulence)

#### **Common side effects**

*(affects less than 1 in 10 but more than 1 in 100 users)*

- diarrhea

- gastrointestinal and abdominal pain

Normally, these symptoms will disappear if you continue treatment and keep to your prescribed diet.

#### **Uncommon side effects**

*(affects less than 1 in 100 but more than 1 in 1,000 users)*

- nausea
- vomiting
- digestive disorders
- reversible elevated liver enzymes

#### **Rare side effects**

*(affects less than 1 in 1,000 but more than 1 in 10,000 users)*

- swelling (accumulation of fluid, mainly in the legs)
- jaundice (yellowing of the skin)

#### **Side effects where frequency is not known**

- reduced levels of blood platelets (thrombocytopenia)
- allergic reactions (reddening, skin rash and nettle rash)
- incomplete obstruction of the intestines (subileus),
- complete obstruction of the intestines (ileus),
- gas in the bowel wall (Pneumatosis cystoides intestinalis)
- inflammation of the liver (hepatitis)

In addition side effects like liver disorder, abnormal hepatic function, and liver injury have been reported especially from Japan.

If your symptoms persist for more than 2 or 3 days, or if they are severe, consult your doctor, particularly in the case of diarrhea.

These side effects may be especially intensified if you do not follow the prescribed diabetic diet. If you experience severe pain despite following the prescribed diet precisely, please consult your doctor. In such cases, your doctor may consider temporarily or permanently reducing the dose.

The gastrointestinal complaints may be severe and pronounced. In such cases please consult your doctor who will decide whether treatment with Glucobay should be continued.

## **5. HOW TO STORE GLUCOBAY**

Keep out of the reach and sight of children.

Do not use Glucobay after the expiry date which is stated on the carton and on each blister after EXP. The expiry date refers to the last day of the month.

Do not store above 30°C.

Do not remove the tablets from the foil until immediately before use.

Medicines should not be disposed of via wastewater or household waste. Ask your pharmacist how to dispose of medicines no longer required. These measures will help to protect the environment.

## **6. FURTHER INFORMATION**

### **What Glucobay contains**

- The pharmaceutically active substance is acarbose.
- One 50 mg tablet contains 50 mg acarbose.
- One 100 mg tablet contains 100 mg acarbose.
- The other ingredients are microcrystalline cellulose, magnesium stearate, maize starch, colloidal silicon dioxide.

### **What Glucobay looks like**

*Glucobay 50 mg tablets:* White to yellow-tinged round, convex tablets of 7 mm diameter and 10 mm radius of curvature. On one side the tablet code is “G” and “50” and on the other side “Bayer cross”.

*Glucobay 100 mg tablets:* White to yellow-tinged round, convex tablets of 9 mm diameter and 15 mm radius of curvature. On one side the tablet code is “G”, “score” and “100” and on the other side the “Bayer cross”.

### **Glucobay is available in pack sizes of:**

Blister pack of 30 tablets.

Blister pack of 100 tablets.

Not all pack sizes are marketed.

**MAL No.**

*Glucobay 50 mg tablets:* MAL19940746A

*Glucobay 100 mg tablets:* MAL19940745A

**Manufacturer**

Bayer Schering Pharma AG, Germany

**Date of revision**

15.09.2011

**Marketing Authorisation Holder**

Bayer Co. (Malaysia) Sdn. Bhd.  
T1-14 Jaya 33, No. 3 Jalan Semangat,  
Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya,  
Selangor.



# Glucobay®

## RISALAH BUNGKUSAN: MAKLUMAT UNTUK PENGGUNA

**Pil Glucobay 50 mg**  
**Pil Glucobay 100 mg**  
Acarbose

**Baca seluruh risalah ini dengan teliti sebelum anda mula mengambil ubat ini.**

- Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya semula.
- Jika anda mempunyai kemusykilan selanjutnya, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.
- Ubat ini telah disyorkan untuk anda. Jangan beri ubat ini kepada orang lain. Ia mungkin memudaratkan mereka, walaupun mereka mengalami gejala yang sama seperti anda.
- Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

### 1. APAKAH GLUCOBAY DAN KEGUNAANNYA

Glucobay tergolong dalam kumpulan produk ubat yang digunakan untuk merawat diabetes (perencat  $\alpha$ -glukosidase).

Bahan aktif dalam Glucobay adalah *acarbose*. Ia dikeluarkan secara biologi.

Tempat utama ia bertindak ialah usus kecil. Hampir tiada bahan aktif diserap oleh badan. Glucobay melengahkan penghadaman karbohidrat. Ini melambatkan pengeluaran glukosa daripada karbohidrat dan penyerapannya ke dalam saluran darah. Dengan cara ini, Glucobay mengurangkan kenaikan glukosa darah selepas makan. Kesan kawalan ke atas kadar penyerapan glukosa daripada usus menyebabkan turun naik glukosa darah sepanjang hari dikurangkan dan kepekatan glukosa darah diturunkan.

Glucobay dengan sendirinya tidak menyebabkan hipoglisemia.

- Glucobay digunakan sebagai tambahan kepada terapi diet di kalangan pesakit diabetes melitus. Glucobay akan membantu mengawal tahap gula darah anda.

### 2. SEBELUM ANDA MENGAMBIL GLUCOBAY

**JANGAN ambil Glucobay:**

- jika anda alah (hipersensitif) kepada *acarbose* dan/atau sebarang ramuan lain dalam Glucobay
- jika anda menghidap keradangan kronik atau ulser usus, seperti colitis berulser atau penyakit Crohn
- jika anda menghidap penyakit yang boleh bertambah buruk akibat pengumpulan angin dalam usus (seperti penaikan diafragma disebabkan kembung usus (sindrom Roemheld), hernia inguinal dan masalah diafragma yang serius, sekatan usus dan ulser usus)
- jika anda mengalami masalah buah pinggang yang teruk (pembersihan kreatinina bawah 25 ml/min)

**Berhati-hati apabila mengambil Glucobay:**

- sepanjang 6 - 12 bulan pertama rawatan

Sungguhpun terlalu jarang berlaku, peningkatan enzim hati dalam darah boleh dialami sepanjang rawatan dengan Glucobay. Oleh itu, doktor anda akan memeriksa paras enzim hati dari masa ke masa sepanjang 6 - 12 bulan pertama rawatan. Dalam kes yang dilaporkan, peningkatan enzim hati surut selepas rawatan dengan Glucobay dihentikan (lihat "Kesan Sampingan").

- jika terdapat gejala hipoglisemia akut (seperti nadi berdenyut pantas, berpeluh, menggeletar), anda mesti mengambil glukosa dan jangan ambil gula biasa (gula tebu) untuk melegakan masalah (lihat "Interaksi dengan ubat lain ")

Jika anda mengambil Glucobay sekalipun, anda mesti mematuhi diet yang ditetapkan untuk anda.

### Pengambilan ubat lain

Kejadian hipoglisemia akut tidak mungkin berlaku jika anda dirawat semata-mata dengan Glucobay dan diet. Jika Glucobay disarankan sebagai tambahan kepada rawatan lain untuk mengurangkan glukosa darah dengan pil sulfonilurea atau metformin atau dengan insulin, dos pil ini mesti dikurangkan kepada kadar yang sesuai untuk mencegah hipoglisemia. Dalam kes terencil, kejutan boleh berlaku akibat hipoglisemia. Jika hipoglisemia berlaku, ingatlah bahawa gula biasa (gula tebu) lebih lambat dihadam dan diserap semasa rawatan dengan Glucobay. Ini bermakna hipoglisemia boleh dipulihkan dengan cepat hanya dengan glukosa, dan bukan dengan gula biasa.

Dalam kes terencil, *acarbose* boleh menjejaskan *digoxin* (bahan aktif yang kebanyakannya digunakan untuk merawat kegagalan jantung); dos *digoxin* mungkin perlu disesuaikan.

Jangan ambil ubat berikut pada masa yang sama dengan Glucobay kerana ia boleh melemahkan kesannya:

- *cholestyramine* (ubat yang menurunkan kolesterol darah tinggi)
- produk arang dan penyerap usus yang lain
- bahan yang merangsang penghadaman (produk enzim penghadaman)

Jika pada masa yang sama anda mengambil *Acarbose* dan *Neomycin* melalui mulut, kenaikan glukosa darah anda selepas makan mungkin berkurangan dan ini boleh menyebabkan anda lebih kerap atau lebih teruk merasa abdomen tidak selesa. Jika gejala ini teruk, berbincang dengan doktor anda. Doktor mungkin menimbangakan kemungkinan mengurangkan dos *acarbose* anda buat sementara waktu.

#### **Pengambilan Glucobay dengan makanan dan minuman**

Gula biasa (gula tebu) dan makanan yang mengandunginya mudah menyebabkan ketidakselesaan abdomen yang teruk dan cirit-birit semasa rawatan dengan Glucobay (lihat "Kesan Sampingan").

#### **Kanak-kanak dan remaja**

Keberkesanan dan keselamatan *acarbose* belum disiasat di kalangan pesakit berusia bawah 18 tahun.

#### **Kehamilan**

Jangan ambil Glucobay dalam mana-mana peringkat kehamilan kerana keselamatannya di kalangan wanita hamil belum dipastikan.

#### **Penyusuan bayi:**

Jangan ambil Glucobay apabila menyusukan bayi.

#### **Memandu dan mengendalikan mesin**

Rawatan dengan Glucobay sahaja tidak menyebabkan hipoglisemia dan oleh itu ia tidak akan menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Rawatan secara kombinasi dengan produk ubat lain untuk mengurangkan glukosa darah (metformin, sulfonilurea, insulin) boleh memberi kesan negatif ke atas keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin kerana ia boleh menyebabkan hipoglisemia.

### **3. CARA UNTUK MENGAMBIL GLUCOBAY**

Doktor akan menentukan jumlah Glucobay yang anda perlu ambil, bergantung pada keperluan peribadi anda, kerana Glucobay bertindak dengan cara yang berlainan ke atas orang yang berlainan, dan bukan semua orang mempunyai tahap toleransi yang sama.

#### **Dos yang disyorkan sebagai tambahan kepada terapi diet di kalangan pesakit diabetes mellitus adalah:**

3 x 1 pil Glucobay 50 mg setiap hari  
atau  
3 x ½ pil Glucobay 100 mg setiap hari  
(bersamaan 150 mg *acarbose* sehari).

Di kalangan sesetengah pesakit, tambahan dos secara beransur-ansur dapat membantu mengurangkan kesan sampingan gastrousus, bermula dengan:

1 hingga 2 x 1 pil Glucobay 50 mg setiap hari

atau

1 hingga 2 x ½ pil Glucobay 100 mg setiap hari  
(bersamaan 50 hingga 100 mg *acarbose* sehari).

Dokter akan menambah dos secara beransur-ansur, bergantung pada tahap glukosa darah anda, dan juga apabila rawatan diteruskan jika ia tidak cukup berkesan, sehingga:

3 x 2 pil Glucobay 50 mg setiap hari

atau

3 x 1 pil Glucobay 100 mg setiap hari  
(bersamaan 300 mg *acarbose* sehari).

Dalam kes yang jarang berlaku, jika perlu, dos ditambah selanjutnya sehingga:

3 x 4 pil Glucobay 50 mg setiap hari

atau

3 x 2 pil Glucobay 100 mg setiap hari  
(bersamaan 600 mg *acarbose* sehari).

Anda patut mulakan dengan dos rendah yang kemudian ditambah secara beransur-ansur untuk mengurangkan sebarang kesan sampingan ke atas usus.

Jika berlaku kerengsaan yang membimbangkan walaupun anda betul-betul mematuhi diet yang sewajarnya (lihat "Kesan Sampingan"), dos tidak seharusnya ditambah lagi, dan jika perlu, dos hendaklah dikurangkan sedikit.

#### **Bagaimana dan bila anda patut ambil Glucobay?**

Pil Glucobay hendaklah dikunyah dengan suapan pertama makanan. Jika anda tidak mahu mengunyah pil, anda boleh menelannya dengan sedikit minuman **serjurus sebelum makan**.

Keberkesanan dan keselamatan *acarbose* belum disiasat di kalangan pesakit berumur bawah 18 tahun.

Jika doktor anda mempreskripsikan ubat antidiabetes lain sebagai tambahan kepada Glucobay, anda juga perlu mengambil ubat ini.

#### **Berapa lama saya patut ambil Glucobay?**

Dokter anda akan menentukan berapa lama anda patut mengambil Glucobay. Tempoh rawatan bergantung pada keseriusan dan keadaan penyakit anda.

#### **Jika anda telah mengambil Glucobay lebih daripada yang sepatutnya:**

Jika anda telah mengambil lebih daripada dos preskripsi, atau sekiranya terlebih dos, anda mungkin mengalami cirit-birit dan gejala usus yang lain seperti kembung (angin) dan sakit abdomen.

Jika anda telah mengambil terlalu banyak Glucobay, anda hendaklah mengelakkan makanan dan minuman yang mengandungi karbohidrat untuk selama 4 - 6 jam seterusnya.

#### **Jika anda terlupa mengambil Glucobay:**

Jika anda terlupa mengambil satu dos Glucobay atau lebih, jangan ambil pil antara waktu makan, tetapi sebaliknya, tunggu hingga waktu makan dan pengambilan dos seterusnya yang dijadualkan dan teruskan seperti biasa.

## **4. KESAN SAMPINGAN YANG BOLEH BERLAKU**

Kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

#### **Kesan sampingan sangat biasa**

*(dialami oleh lebih daripada 1 dalam 10 pengguna)*

- angin (kembung)

#### **Kesan sampingan biasa**



(dialami oleh kurang daripada 1 dalam 10 tetapi lebih daripada 1 dalam 100 pengguna)

- cirit-birit
- sakit gastrousus dan abdomen

Biasanya, gejala ini akan hilang jika anda meneruskan rawatan dan patuh mengamalkan diet yang disyorkan.

#### **Kesan sampingan tidak biasa**

(dialami oleh kurang daripada 1 dalam 10 tetapi lebih daripada 1 dalam 100 pengguna)

- loya
- muntah
- gangguan penghadaman
- ketinggian enzim hati yang boleh diterbalikkan

#### **Kesan sampingan jarang berlaku**

(dialami oleh kurang daripada 1 dalam 10 tetapi lebih daripada 1 dalam 100 pengguna)

- bengkak (pengumpulan bendalir, sebahagian besarnya di kaki)
- jaundice (penyakit kuning)

#### **Kesan sampingan yang tidak diketahui kekerapannya**

- tahap platelet darah turun (trombositopenia)
- reaksi alahan (kemerahan, ruam kulit dan ruam netel)
- sekatan tidak sepenuhnya dalam usus (subileus),
- sekatan sepenuhnya dalam usus (ileus),
- gas dalam dinding usus (*Pneumotosis cystoides intestinalis*)
- keradangan hati (hepatitis)

Selain itu, kesan sampingan seperti gangguan hati, fungsi hepar tidak normal, dan kecederaan hati telah dilaporkan, terutama sekali dari Jepun.

Jika gejala yang anda alami berterusan selama lebih daripada 2 atau 3 hari, atau keadaannya bertambah teruk, dapatkan rawatan doktor, lebih-lebih lagi dalam kes cirit-birit.

Kesan sampingan ini mungkin lebih teruk jika anda tidak mematuhi diet yang disyorkan untuk pesakit diabetes. Jika anda mengalami sakit teruk walaupun anda mematuhi diet yang disyorkan, dapatkan rawatan doktor. Dalam kes sedemikian, doktor anda mungkin menimbangakan kemungkinan mengurangkan dos buat sementara atau selamanya.

Sakit gastrousus mungkin teruk dan ketara. Dalam kes sedemikian, sila dapatkan rawatan doktor yang akan memutuskan sama ada rawatan dengan Glucobay patut diteruskan.

## **5. CARA UNTUK MENYIMPAN GLUCOBAY**

Simpan di tempat yang tidak boleh dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Jangan gunakan Xarelto selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak dan pada setiap pek gelembung. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan yang dinyatakan.

Jangan simpan dalam suhu melebihi 30°C.

Pada suhu lebih tinggi dan/atau kelembapan lebih tinggi, pil yang sudah dikeluarkan daripada bungkusannya boleh berubah warna. Oleh itu, pil hanya patut dikeluarkan daripada kertas timahnya sebelum digunakan.

Ubat tidak harus dilupuskan ke dalam saluran air kumbahan atau tempat pembuangan sampah rumah.

Tanya ahli farmasi anda bagaimana cara untuk melupuskan ubat-ubat yang tidak lagi diperlukan.

Langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

## **6. MAKLUMAT LANJUT**

### **Apa yang terkandung dalam Glucobay**

- Bahan farmaseutikal aktif adalah *acarbose*.
- Satu biji pil 50 mg mengandungi 50 mg *acarbose*.
- Satu biji pil 100 mg mengandungi 100 mg *acarbose*.

- Ramuan lain adalah selulosa bermikrohablur, magnesium stearate, kanji jagung, silikon dioksida berkolid.

**Rupa bentuk Glucobay**

*Pil Glucobay 50 mg:* Pil lengkung bulat putih kekuningan dengan garis pusat 7 mm dan radius lengkungan 10 mm. Kod “G” dan “50” tertera di sebelah dan “palang Bayer” di sebelah lagi.

*Pil Glucobay 100 mg:* Pil lengkung bulat putih kekuningan dengan garis pusat 9 mm dan radius lengkungan 15 mm. Kod “G”, “score” dan “100” tertera di sebelah dan “palang Bayer” di sebelah lagi.

**Glucobay boleh didapati dalam saiz bungkusan:**

Bungkusan gelembung 30 biji pil.

Bungkusan gelembung 100 biji pil.

Tidak semua saiz pek dipasarkan.

**No. MAL**

*Pil Glucobay 50 mg:* MAL19940746A

*Pil Glucobay 100 mg:* MAL19940745A

**Pengilang**

Bayer Schering Pharma AG, Jerman

**Tarikh kemaskini**

15.09.2011

**Pemegang Hak Pemasaran**

Bayer Co. (Malaysia) Sdn. Bhd.

T1-14 Jaya 33, No. 3 Jalan Semangat,

Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya,

Selangor.